JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

DASAR PENGURANGAN RISIKO BENCANA NEGARA 2030





JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

DASAR PENGURANGAN RISIKO BENCANA NEGARA

2030

"URUS BENCANA, SELAMAT NYAWA"

HAK CIPTA TERPELIHARA 2024

MAKLUMAT TENTANG BUKU

Cetakan Pertama 2024
© Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) 2024

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin bertulis daripada Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM).

Perpustakaan Negara Malaysia Data Penkatalogan-dalam-Penerbitan

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030
Nombor ISBN 978-629-99902-0-8

DASAR PENGURANGAN RISIKO BENCANA NEGARA 2030 (Edisi Pertama)

Diterbitkan oleh :
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri
Aras B1, 6 & 7, Setia Perkasa 5
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya
: +603 8870 4800
: +603-8870 4848
: https://www.nadma.gov.my/bm/



KANDUNGAN

Perutusan
Timbalan Perdana Menteri ***001***
Ketua Pengarah ***003***

Pengenalan ***007***

Pernyataan Dasar ***009***

Tujuan ***009***

Rasional ***011***

Matlamat ***013***

Prinsip ***016***

Teras Strategik ***017***

Sasaran Utama & Tindakan ***019***
Sasaran Utama 1 *021*
Sasaran Utama 2 *023*
Sasaran Utama 3 *025*
Sasaran Utama 4 *027*
Sasaran Utama 5 *029*
Sasaran Utama 6 *031*

Pelaksanaan *033*

Senarai Istilah *034*

Penghargaan *043*



PERUTUSAN

Dalam meniti kehidupan pada masa ini, acapkali kita tersentak dengan pelbagai kejadian bencana yang berlaku dan berpotensi berulang tanpa sebarang tanda noktah. Jika disingkap perihal bencana, senarionya agak kompleks untuk dibanteras sepenuhnya oleh manusia, lebih-lebih lagi ia berkait rapat dengan fenomena alam yang dipengaruhi oleh faktor perubahan iklim dan juga pembangunan jika ianya tidak dilaksanakan dengan bersepadu dan mampan. Menyedari hakikat ini, Malaysia memerlukan anjakan paradigma bahawa persiapan rapi perlu diberi penekanan agar kita mampu berdaya tahan terhadap bencana dan seterusnya dapat meneruskan agenda pembangunan negara.

Kejadian bencana adalah suatu yang tidak dapat dielakkan sepenuhnya. Namun, risiko dan impaknya kepada manusia, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang kadangkala melangkaui perancangan manusia, dapat dikurangkan melalui inisiatif pengurangan risiko bencana (Disaster Risk Reduction, DRR) yang menyeluruh. Sehubungan itu, penggubalan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 merupakan komitmen kerajaan ke arah mengarusperdanakan konsep DRR dalam usaha memperkasa serta menambah baik pengurusan risiko bencana negara agar tahap risiko adalah minimum. Dasar ini berupaya menjadi paksi dan petunjuk kepada pengurusan risiko bencana yang mampan melalui teras strategi dan sasaran yang digariskan, selari dengan instrumen global Kerangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.

Dasar ini perlu dijadikan rujukan utama dalam kalangan semua pemegang taruh merentasi pelbagai peringkat agar matlamat penggubalan dasar ini tercapai. Saya menyeru agar konsep DRR ini difahami dan dilaksana, sekali gus dapat bersama-sama menggembleng tenaga dalam menghadapi cabaran impak daripada kompleksiti cuaca ekstrem yang kian sukar diramal dan sensitiviti kesan pembangunan terhadap alam sekitar serta bencana, yang seterusnya boleh mencetus kemungkinan ancaman bahaya baharu muncul, demi menyahut aspirasi membangun Malaysia Madani.

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 perlu pendekatan yang berserampang dan dipelbagaikan kerana usaha memperkukuhkan fasa tindakbalas dan kaedah mitigasi berstruktur semata-mata sahaja tidak memadai untuk mengurangkan kemusnahan atau menyelamatkan nyawa daripada bencana. Malah, penekanan yang tidak kurang pentingnya adalah inisiatif-inisiatif dalam kesemua fasa pengurusan risiko bencana. Kita perlu fahami juga, bahawa usaha pengurangan risiko bencana adalah satu proses jangka panjang. Namun, adalah penting untuk ianya dipelopori dan diaplikasi secara berterusan serta diwujudkan platform yang membolehkan kolaborasi berkesan sesama pemegang taruh, agar mudah dibuat perancangan dan keputusan secara bermaklumat selaras dengan matlamat Kerangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.

“Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM) di atas penghasilan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 ini. Saya mendoakan segala ikhtiar membentuk negara Malaysia yang selamat dan berdaya tahan bencana ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. dan semoga segala usaha yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan penuh jaya.”

DATO’ SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat





PRAKATA

“Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 merupakan komitmen Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM) dalam mendukung usaha Kerajaan membentuk negara Malaysia yang selamat dan berdaya tahan bencana melalui pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pembinaan semula. Dasar ini digubal selari dengan instrumen global iaitu Kerangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 yang mencerminkan komitmen kerajaan memenuhi agenda global tersebut.”

Memahami bahawa pengurusan risiko bencana merupakan tanggungjawab bersama, NADMA, JPM dengan kerjasama semua pemegang taruh telah menghasilkan dasar yang diyakini dapat menjadi tulang belakang dan panduan dalam memperkasa dan menambah baik pengurusan risiko bencana negara melalui prinsip, teras strategi dan sasaran yang lebih teratur. Dasar ini bersifat holistik dan penting untuk dijadikan panduan serta rujukan semua pemegang taruh merentasi pelbagai peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sektor swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), badan sukarelawan, badan bukan kerajaan, organisasi dan masyarakat, sama ada untuk tujuan perancangan dan pemetaan, pemantauan, sistem ramalan dan amaran awal bencana, pencegahan, mitigasi, strategi dan inisiatif pengurangan risiko bencana.

Kerangka Kerja Sendai mengiktiraf bahawa setiap negara mempunyai peranan utama untuk mengurangkan risiko bencana tetapi tanggungjawab tersebut perlu dikongsi dengan semua pihak, merentasi pelbagai peringkat dan sektor. Oleh sebab itu, kerjasama semua pemegang taruh merentasi pelbagai peringkat dan sektor ini, amat dituntut kerana Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 bukan hanya penyediaan infrastruktur berhadapan bencana dan peningkatan kesedaran mengenai risiko bencana semata-mata, tetapi juga meliputi penerapan konsep ini dalam pelaksanaan fungsi, tugas dan peranan oleh kesemua pihak dalam bidang masing-masing dalam semua sektor. Semua inisiatif Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 boleh wujud dalam mana-mana fasa yang sesuai dalam kitaran pengurusan risiko bencana iaitu pencegahan, mitigasi, ketersediaan, tindakbalas, dan pembinaan semula. Dalam melaksanakan inisiatif dasar ini, kedua-dua kaedah berstruktur dan tidak berstruktur perlu diterapkan dalam sebarang aktiviti oleh semua pihak dalam semua sektor dalam bidang tugas masing-masing dan juga dalam semua bentuk perancangan pembangunan dengan mengambil kira risiko semasa dan risiko mendatang untuk menjadikan pembangunan itu lebih lestari dan berdaya tahan terhadap bencana.

Selain itu, penerapan sains dan teknologi dalam dasar ini juga penting dalam menyokong proses membuat keputusan. Adalah diharapkan supaya pelaburan dalam inisiatif Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 dari aspek kapasiti sumber manusia, pemerkasaan institusi, perluasan langkah mitigasi dan aplikasi teknologi dapat ditingkatkan melalui dasar ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pasukan pendraf dasar, pemegang taruh di peringkat persekutuan dan negeri serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menggubal dasar ini. Semoga segala keringat yang dicurahkan dalam usaha menambah baik pengurusan risiko bencana di Malaysia mendapat keberkatan dan dipermudahkan oleh-Nya.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara







PENGENALAN

Bencana merupakan salah satu ancaman kepada negara. Definisi bencana adalah suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem, yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang ekstensif. Berdasarkan catatan sejarah, bencana besar yang dialami oleh Malaysia ialah banjir. Berdasarkan rekod, banjir besar dikenali dengan nama Bah Merah atau Bah Ayer Merah berlaku pada penghujung tahun 1926 yang melanda hampir keseluruhan Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1967, Malaysia sekali lagi dilanda banjir besar, dikatakan menyamai skala banjir 1926 yang melanda Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dengan 250,000 orang terjejas. Pada tahun 1971, Kuala Lumpur dilanda banjir besar yang melumpuhkan hampir 50% kawasan Kuala Lumpur dan menyebabkan kerajaan mengisytiharkan Darurat Banjir Kebangsaan. Pahang, Selangor dan Johor turut terjejas dalam episod banjir ini yang membabitkan anggaran 180,000 orang terjejas. Pada penghujung tahun 2014, Malaysia sekali lagi dilanda banjir besar apabila lebih 500,000 orang dipindahkan. Banjir besar ini dikenali sebagai Bah Kuning telah melanda Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan menyebabkan kerugian kerosakan infrastruktur awam sebanyak RM2.6 billion.

Selain banjir, Malaysia juga berhadapan dengan bencana seperti tanah runtuh yang mana bencana jenis ini rendah dari segi frekuensi dan magnitudnya, namun mencatatkan jumlah kematian tertinggi dalam statistik bencana negara. Kejadian tanah runtuh terbaharu yang mencatatkan bilangan kematian tertinggi ialah Tanah Runtuh Batang Kali di Selangor pada 16 Disember 2022, iaitu 31 orang. Tanah runtuh jenis aliran puing merupakan bencana paling memusnah sebagaimana rekod kejadian Aliran Lumpur Pos Dipang di Perak pada 29 Ogos 1996, kejadian Banjir Lumpur ekoran Ribut Tropika Greg di Sabah pada 26 Disember 1996 dan kejadian Aliran Puing Gunung Jerai di Kedah pada 18 Ogos 2021.

Bencana alam yang disifatkan langka berlaku di Malaysia ialah seperti tsunami di Pantai Barat Semenanjung Malaysia pada 26 Disember 2004 yang mencatatkan kematian seramai 68 orang. Kejadian gempa bumi dengan kekuatan magnitud 6.0 di Ranau, Sabah pada 5 Jun 2015 menyebabkan kematian 18 orang pendaki Gunung Kinabalu.

Tahun 1980-an hingga 1990-an mencatatkan banyak peristiwa bencana yang besar, baik bencana alam mahupun bencana cetusan manusia. Antara kejadian bencana cetusan manusia yang signifikan ialah kejadian keruntuhan Jambatan Terminal Feri di Pulau Pinang pada 31 Julai 1988 dengan 32 kematian; dan letupan kilang bunga api Bright Sparklers di Sungai Buloh pada 7 Mei 1991 yang mengorban 26 nyawa dan mencederakan 108 orang. Peristiwa keruntuhan bangunan yang paling diingati ialah kejadian Highland Towers di Selangor pada 11 Disember 1993 yang telah mengorbankan 48 nyawa.

Era semasa menyaksikan bencana banjir dicatatkan sebagai bencana berfrekuensi tinggi. Turut muncul ialah bencana baharu seperti kejadian bencana industri Sg. Kim Kim di Johor pada Mac 2019. Meskipun tiada kehilangan nyawa, namun dianggarkan 6,000 orang terjejas dengan 2,775 orang dimasukkan ke hospital. Pandemik COVID-19 yang melanda dunia turut menjejaskan negara. Berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia, pandemik COVID-19 yang bermula pada awal tahun 2020 di Malaysia telah mencatatkan sejumlah 36,553 kematian sehingga tahun 2023, menjadikan ia bencana dengan bilangan kematian paling tinggi di Malaysia setakat ini.

Kekerapan dan intensiti bencana dijangka akan terus meningkat pada masa hadapan ekoran faktor pembangunan, perubahan iklim, pertumbuhan ekonomi dan pertambahan populasi yang menyebabkan lebih ramai orang serta infrastruktur bertumpu di kawasan rawan bencana. Pendekatan pengurusan bencana bersifat tindak balas semata-mata adalah kurang efektif. Justeru, anjakan kepada tindakan proaktif mengurangkan risiko sebelum bencana berlaku adalah penting. Pengurangan risiko bencana (Disaster Risk Reduction, DRR) melalui tindakan pencegahan, mitigasi dan kesiapsiagaan merupakan tindakan awal bagi pembinaan daya tahan secara lebih berkesan sekali gus memastikan ancaman dan impak kepada negara akibat bencana berada pada tahap minimum.

PENYATAAN DASAR

Dasar ini disediakan untuk mengukuhkan daya tahan negara terhadap bencana melalui pengurusan risiko yang komprehensif dan inklusif ke arah kesejahteraan rakyat dan pembangunan mampan dengan mengarusperdanakan pengurangan risiko bencana.

TUJUAN

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 menjadi rujukan utama dengan menyediakan panduan dalam pengurusan risiko bencana di semua peringkat nasional, tempatan dan merentasi sektor secara menyeluruh. Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 merencanakan hala tuju strategik negara dalam mengurangkan risiko bencana ke arah membentuk negara Malaysia yang selamat dan berdaya tahan bencana.



RASIONAL

Pengurangan risiko bencana (DRR) bermaksud satu konsep atau amalan secara sistematik untuk menganalisis dan menguruskan faktor penyebab bencana, termasuk mengurangkan keterdedahan kepada bahaya bencana dan kemusnahan harta benda, mengamalkan pengurusan tanah dan alam sekitar yang mampan, serta mempertingkatkan kesiapsiagaan individu, masyarakat dan agensi untuk menghadapi bencana.

DRR adalah konsep pengurusan bencana yang inklusif dengan memperkasa semua pihak berkepentingan termasuk komuniti dalam berkongsi komitmen untuk meningkatkan daya tahan negara terhadap bencana selari dengan matlamat “Leave No One Behind”.

Konsep DRR ini perlu melengkapi dan diambil kira dalam dasar-dasar negara yang berkaitan ekonomi, alam sekitar, sosial, keselamatan dan lain-lain; bertujuan untuk mencegah pembentukan risiko baharu, meminimumkan risiko sedia ada dan menguruskan risiko baki.



Inisiatif DRR perlu dilaksanakan secara sistematik, disokong oleh mekanisme tadbir urus dan kewangan yang berkesan. Ini memerlukan penglibatan seluruh lapisan masyarakat (whole-of-society) untuk meningkatkan daya tahan bencana negara dan memperkasa masyarakat melalui pendekatan pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan termasuk pembangunan atau pembinaan semula yang lebih baik. Skop bencana yang terangkum dalam dasar ini adalah:

a Bencana alam seperti kejadian banjir, ribut/taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh;

b Bencana industri termasuklah kejadian letupan, kebakaran, pencemaran dan kebocoran bahan berbahaya (hazardous materials) atau bahan-bahan yang secara kolektif meningkatkan risiko bahaya, di dalam atau di luar premis kilang, loji, depot atau kawasan yang memproses, mengeluar dan menyimpan bahan-bahan berkenaan;

c Kemalangan melibatkan penyimpanan, pengangkutan, penyaluran dan pemindahan bahan berbahaya;

d Keruntuhan bangunan, binaan dan struktur khas;

e Kemalangan udara yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi;

f Pelanggaran atau kegelinciran kereta api dan lain-lain sistem pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa dan kemusnahan harta benda yang besar atau memberi impak kepada alam sekitar;

g Kebakaran besar yang melibatkan kawasan yang luas, kawasan strategik, kawasan berkependudukan tinggi, termasuklah kebakaran bangunan tinggi, binaan, struktur khas dan kebakaran hutan berskala besar yang menjejaskan ramai orang;

h Kejadian empangan / takungan air pecah;

i Bencana kimia, biologi, radiologi, nuklear dan letupan melibatkan pepasangan atau yang berkaitan dengannya yang mana kemalangan ini berkemungkinan boleh merebak dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda, radiasi atau pencemaran atau kerosakan yang memberi kesan kepada manusia, alam sekitar serta menjejaskan aktiviti setempat ;

j Kejadian jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang menggugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran kerajaan dan aktiviti ekonomi negara;


k Kejadian wabak penyakit Pandemik, Epidemik dan Zoonosis:

l Lain-lain kejadian bencana yang akan diisytiharkan dan ditetapkan oleh kerajaan.

Rangkuman dasar ini terpakai untuk risiko bencana bersaiz kecil dan besar, kerap atau langka, cetusan pantas atau perlahan yang disebabkan oleh bahaya alam dan cetusan manusia termasuk berkaitan alam sekitar, teknologi dan biologi.

MATLAMAT

Menyediakan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 yang merangkumi bahaya semasa dan bahaya baru muncul bagi mengurangkan kehilangan nyawa dan kerugian akibat bencana. Dasar ini menyasarkan peningkatan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar melalui tadbir urus yang cekap dan berkesan, mobilisasi sumber, keterlibatan pihak berkepentingan dan pemerkasaan masyarakat.


PRINSIP
4
6
5
SASARAN UTAMA &
TINDAKAN
TERAS STRATEGIK

PRINSIP

Pengurangan Risiko Bencana berasaskan **empat (4) Prinsip** berikut:



P1

Perkongsian tanggungjawab (Shared–responsibility): DRR adalah tanggungjawab yang perlu dipikul secara bersama oleh semua pihak, merentasi pelbagai peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sektor swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), badan sukarelawan, badan bukan kerajaan, organisasi dan masyarakat. Perkongsian tanggungjawab mengiktiraf bahawa tiada entiti tunggal boleh menangani semua aspek risiko bencana dengan sendiri. Oleh itu, pendekatan tadbir urus, koordinasi, komunikasi dan kolaborasi adalah penting dalam mengarusperdanakan pengurangan risiko bencana yang berkesan seterusnya membina negara dan masyarakat yang lebih selamat dan berdaya tahan bencana.

P2

Keterangkuman (Inclusive): Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 terpakai dalam semua sektor ekonomi, sosial, alam sekitar tanpa meminggirkan mana-mana pihak dalam proses pembuatan keputusan agar penyelesaian isu berkaitan bencana adalah terselaras dan menepati kehendak semua pihak. Ini dapat memenuhi keperluan khusus kumpulan berbeza dan menggalakkan kesaksamaan sosial untuk membina komuniti yang selamat dan berdaya tahan.

P3

Penyertaan (Participation): Penyertaan semua pihak dalam pengurusan risiko bencana merupakan kunci kepada keberkesanan inisiatif DRR. Penyertaan merentasi sektor dan kelompok masyarakat akan memastikan kepentingan semua pihak. Prinsip penyertaan turut mengambil kira kolaborasi strategik di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa dalam memelihara kepentingan negara.

P4

Penyetempatan (Localisation): Konsep DRR di peringkat global diolah dan disuai padan dengan konteks negara dan keadaan setempat — geografi, demografi, bahaya, risiko, budaya agar ia relevan dan praktikal untuk dilaksanakan. Agenda DRR di peringkat setempat dilaksanakan dengan penerapan pendekatan masyarakat tempatan dan orang asal (local and indigenous) yang memiliki pengetahuan tentang kelemahan dan keupayaan khusus kawasan setempat seterusnya memastikan masyarakat lebih bersedia dan mampu bertindak balas apabila bencana berlaku.

TERAS STRATEGIK

Pengurusan risiko bencana negara perlu disepadukan dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dan proses pembuatan keputusan. Kerjasama dan komitmen negara di peringkat antarabangsa juga perlu diambil kira.

Lima (5) Teras Strategik (TS) yang selaras dengan kerangka kerja DRR di peringkat global telah ditetapkan. Teras strategik merupakan pemacu bagi tindakan yang bersifat saling melengkapi dasar dan mekanisme sedia ada bagi mengintegrasikan inisiatif pengurangan risiko bencana dengan faktor-faktor seperti perubahan iklim untuk kesejahteraan rakyat, alam sekitar dan pembangunan mampan.





Menambah baik pemahaman risiko
Menambah baik dasar dan praktik dalam pengurusan risiko bencana seharusnya berdasarkan pemahaman kepada pelbagai dimensi risiko seperti kemudahterancaman, keupayaan, keterdedahan manusia dan aset, serta ciri-ciri bahaya dan alam sekitar. Pengetahuan ini penting untuk diaplikasikan dalam penilaian risiko bencana untuk perancangan pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan.

Mengukuhkan tadbir urus
Mengukuhkan tadbir urus dalam seluruh kitaran pengurangan risiko bencana merangkumi pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan.


Melabur dalam pengurangan risiko bencana
Mengarusperdanakan pengurangan risiko bencana dalam pelaburan awam dan mengukuhkan perlindungan sosial melalui kerjasama awam-swasta dalam pendekatan pencegahan dan pengurangan risiko bencana secara struktur dan bukan struktur.

Meningkatkan kesiapsiagaan untuk tindak balas bencana yang efektif dan pemulihan selepas bencana yang lebih baik
Mengintegrasikan konsep pengurangan risiko bencana dalam perancangan kesiapsiagaan dan tindak balas untuk meminimumkan impak semasa bencana dan mempercepatkan proses pemulihan selepas bencana.

Membangunkan keupayaan dan penglibatan komuniti
Memperkasa keupayaan dan penglibatan komuniti dalam seluruh kitaran pengurangan risiko bencana, iaitu pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan.

SASARAN UTAMA & TINDAKAN

Keberkesanan lima (5) Teras Strategik untuk Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 merangkumi tindakan dan boleh dipantau melalui enam (6) pencapaian Sasaran Utama (SU) seperti berikut:



SU1 Mengurangkan bilangan orang yang terjejas bencana menjelang tahun 2030.

SU2 Mengurangkan kerugian langsung ekonomi akibat bencana.

SU3 Mengurangkan kerosakan kepada infrastruktur kritikal dan gangguan kepada bekalan asas.

SU4 Meningkatkan bilangan negeri, daerah dan PBT yang mempunyai strategi DRR menjelang 2030.

SU5 Mengukuhkan kerjasama antarabangsa.

SU6 Meningkatkan ketersediaan dan akses kepada sistem amaran awal pelbagai bahaya (multi–hazard), maklumat risiko dan penilaian risiko bencana.



SU 1

Mengurangkan bilangan orang yang terjejas bencana menjelang tahun 2030



Bilangan orang yang terjejas bencana adalah dinamik setiap tahun atas faktor jenis bencana, magnitud, lokasi, geografi, ciri-ciri kawasan dan demografi penduduk. Untuk memastikan SU1 tercapai, antara tindakan yang boleh dilaksanakan ialah:

1. Memperkasa dasar, perundangan dan mekanisme berkaitan pengurangan risiko bencana.
2. Memastikan tindakan mitigasi dijalankan di kawasan rawan bencana untuk mencegah kejadian berulang, mengurangkan impak dan tempoh (duration) bencana.
3. Membangunkan sistem Ramalan Berasaskan Impak (Impact-Based Forecasting, IBF) untuk perancangan operasi dan membantu proses membuat keputusan.
4. Membangunkan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) dan menambah baik Pusat Pemindahan Sementara (PPS).
5. Menambah baik aset, meningkatkan kecekapan dan keupayaan pasukan penyelamat untuk tindakan yang lebih efektif.
6. Membangunkan dan menguji Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan, ERP) mengikut jenis bencana, lokasi dan agensi.
7. Meningkatkan program pengurangan risiko bencana berasaskan komuniti dengan penerapan konsep penyetempatan (localisation).
8. Melaksanakan kerja pemulihan yang lebih baik, cepat dan selamat selepas bencana.

SU2

Mengurangkan kerugian langsung ekonomi akibat bencana



Bencana bukan sahaja menyebabkan kehilangan nyawa tetapi juga kerugian ekonomi. Kerugian akibat bencana akan memberi impak Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta mempengaruhi keupayaan dan tempoh untuk pulih semula. Keberkesanan Dasar Pengurangan Risiko bencana Negara 2030 boleh diukur daripada susutan nilai kerugian akibat bencana. Tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mencapai SU2 antaranya:

1. Menambah baik pengumpulan data dan rekod kerugian akibat bencana melalui pelbagai kaedah teknologi terkini termasuk teknologi rendah karbon.
2. Membangunkan sistem taksiran kerosakan dan kerugian secara terintegrasi.
3. Memastikan Jawatankuasa Penilaian melaksanakan taksiran kerosakan dan kerugian yang diakibatkan oleh bencana sebagaimana dalam Arahan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) No. 1 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.
4. Menjalankan penilaian, pembaikan dan retrofit aset-aset dan infrastruktur kritikal awam, sebelum dan selepas bencana.
5. Mempromosikan mekanisme pindahan risiko dan insurans, perkongsian risiko serta perlindungan kewangan kepada awam dan swasta.
6. Mewujudkan mekanisme jaringan keselamatan sosial (social safety net) kepada komuniti yang berisiko.
7. Menggalakkan pembangunan dan semakan semula kod bangunan selamat terutama untuk infrastruktur kritikal dan awam.
8. Menggalakkan tindakan mitigasi berstruktur dan penyelesaian berasaskan semula jadi (nature-based solution).

SU3

Mengurangkan kerosakan kepada infrastruktur kritikal dan gangguan kepada bekalan asas



Infrastruktur kritikal merujuk kepada struktur fizikal, perkhidmatan, jaringan dan aset yang dikenal pasti kritikal kepada fungsi ekonomi dan sosial sesuatu komuniti dan masyarakat yang mana gangguan atau kerosakan infrastruktur kritikal ini akan menjejaskan nyawa dan kelangsungan hidup (livelihood). Antara tindakan ini termasuk:

1. Memastikan infrastruktur kritikal tidak terjejas dan kekal beroperasi.
2. Meminimumkan gangguan kepada bekalan asas ketika dan selepas bencana.
3. Melaksanakan inisiatif Program Sekolah Selamat.
4. Memastikan kelangsungan bekalan dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan lain-lain melalui pembangunan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (Business Continuity Plan, BCP).

SU4

Meningkatkan bilangan negeri, daerah dan PBT yang mempunyai strategi DRR menjelang 2030



Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 yang disediakan ini akan menjadi instrumen utama dalam aspirasi ke arah membentuk negara Malaysia yang selamat dan berdaya tahan bencana. Dasar ini perlu direplikasi oleh sektor berkaitan di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan PBT seterusnya menghasilkan strategi DRR mengikut acuan masing-masing. Menjelang 2030, disasarkan bilangan sektor, negeri, daerah dan PBT yang menghasilkan strategi DRR akan terus meningkat, sekurang-kurangnya dengan tindakan:

1. Membangunkan strategi DRR yang melibatkan komuniti di peringkat negeri, daerah dan PBT.
2. Menjalankan pemantauan dan penilaian pelaksanaan strategi DRR.

SU5

Mengukuhkan kerjasama antarabangsa



Pencapaian strategi pengurangan risiko bencana di peringkat antarabangsa, serantau dan negara dapat dipertingkatkan melalui sokongan dan kerjasama semua pihak dengan tindakan:

1. Meningkatkan kolaborasi, perkongsian kepakaran, amalan terbaik dan pindahan pengetahuan.

2. Menggalakkan kerjasama dalam pembangunan sistem, modal insan serta teknologi rendah karbon dan mesra alam di peringkat serantau dan antarabangsa.

su6

Meningkatkan ketersediaan dan akses kepada sistem amaran awal pelbagai bahaya (multi-hazard), maklumat risiko dan penilaian risiko bencana



Sistem amaran awal yang efektif merangkumi integrasi pemantauan, ramalan dan penilaian risiko, komunikasi dan kesiapsiagaan bencana untuk membolehkan individu, komuniti dan kerajaan serta pihak berkepentingan bersiap siaga lebih awal, bertindak balas dan mengurangkan risiko terhadap sesuatu atau pelbagai jenis bahaya. Antaranya, termasuk tindakan :

1. Meningkatkan liputan dan perincian pemetaan kawasan risiko bencana serta penetapan keutamaan dengan menggunakan teknologi terkini bagi tujuan pembangunan sistem amaran awal.

2. Memperkasa koordinasi antara agensi terutama agensi tindak balas, teknikal dan sokongan, termasuk badan sukarelawan dan badan bukan kerajaan.

3. Penambahbaikan sistem dan penyampaian maklumat dalam pengurusan bencana dan DRR serta komunikasi risiko kepada komuniti.

4. Memperluaskan rangkuman sistem amaran awal dan penyampaian maklumat kepada golongan sasar terutamanya kumpulan mudah terancam.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 akan diterajui oleh NADMA, JPM secara bersama dengan semua pihak merentasi pelbagai peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, PBT, sektor swasta, GLC, GLIC, badan sukarelawan, badan bukan kerajaan, organisasi dan masyarakat. Ini akan dilakukan berasaskan Prinsip, Teras Strategik, Sasaran Utama dan pelbagai tindakan melalui proses rundingan bersama semua pihak berkepentingan.

Pihak pelaksana di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan perlu menerajui proses pembangunan strategi dan pelan tindakan DRR. Pelan tersebut perlu memperincikan aktiviti yang akan dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan, dengan anggaran belanjawan dan sasaran khusus. Pelan tindakan ini harus disemak semula dan dikemas kini secara berkala untuk memantau kemajuan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan.

Platform Nasional Pengurangan Risiko Bencana (MyDRR) akan menjadi medium untuk semua pihak berkepentingan melaporkan aktiviti DRR mengikut skop dan tanggungjawab masing-masing.

SENARAI ISTILAH

Senarai dan tafsiran istilah ini diterbitkan dengan merujuk kepada dokumen Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara sebagai sumber utama. Sebahagian istilah disertakan penerangan yang diperjelaskan dengan tafsiran istilah daripada United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNDRR)* atau United Nations Department of Economic and Social Affairs (UN DESA)* yang mana sumber petikan berkenaan dinyatakan.

Bahaya (Hazard)

Penjelasan UNDRR*: Suatu proses, fenomena atau aktiviti manusia yang mungkin menyebabkan kehilangan nyawa, kecederaan atau impak kesihatan, kerosakan harta benda, gangguan sosial dan ekonomi atau kemerosotan alam sekitar. Bahaya mungkin tercetus secara semula jadi, cetusan manusia atau socionatural (gabungan faktor cetusan alam semula jadi dan manusia termasuk kemerosotan alam sekitar dan perubahan iklim). Kejadian bahaya boleh berlaku secara individu, bersiri atau gabungan di kawasan punca sehingga ke zon impaknya.

Bencana

Suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang ekstensif.

Pengurusan Risiko Bencana (Disaster Risk Management)

Penjelasan UNDRR*: Pengurusan risiko bencana adalah penerapan dasar dan strategi DRR untuk mencegah kemunculan risiko bencana baharu, mengurangkan risiko bencana sedia ada dan menguruskan risiko baki, seterusnya menyumbang kepada pengukuhan daya tahan serta pengurangan kerugian akibat bencana. Perbezaan DRM dan DRR: DRR merupakan objektif dasar DRM dan matlamat serta objektifnya ditakrifkan dalam strategi dan pelan DRR. Pelan DRM menetapkan matlamat dan objektif khusus untuk mengurangkan risiko bencana bersama-sama dengan pelan tindakan yang berkaitan untuk mencapai objektif ini. Pelan ini harus dipandu oleh Kerangka Kerja Sendai untuk DRR 2015–2030 dan dipertimbangkan serta diselaraskan dalam pelan pembangunan, peruntukan sumber dan aktiviti program yang berkaitan. Pelan peringkat kebangsaan perlu khusus untuk setiap peringkat tanggungjawab pentadbiran dan disesuaikan dengan keadaan sosial dan geografi yang berbeza mengikut keadaan. Jangka masa dan tanggungjawab untuk pelaksanaan serta sumber pembiayaan hendaklah dinyatakan dalam pelan tersebut. Hubungan kepada pembangunan mampan dan pelan adaptasi perubahan iklim perlu dilakukan sekiranya boleh.

Pengurangan Risiko Bencana (Disaster Risk Reduction)

Satu konsep dan amalan secara sistematik untuk menganalisis dan menguruskan faktor penyebab bencana, termasuk mengurangkan keterdedahan terhadap bahaya bencana dan kemusnahan harta benda, mengamalkan pengurusan tanah dan alam sekitar yang mampan, serta mempertingkatkan kesiapsiagaan individu, masyarakat dan agensi untuk menghadapi bencana.

Penjelasan UNDRR*: DRR bertujuan mencegah bencana baharu dan mengurangkan risiko bencana sedia ada serta menguruskan risiko baki, yang kesemuanya menyumbang kepada pengukuhan daya tahan dan seterusnya kepada pencapaian pembangunan mampan. Perbezaan DRR dan DRM: DRR merupakan objektif dasar DRM dan matlamat serta objektifnya ditakrifkan dalam strategi dan pelan DRR.

Kejadian Bukan Bencana

Kejadian atau kemalangan yang bersifat kecemasan yang melibatkan sejumlah kecil mangsa dan kesannya hanya kepada mangsa terlibat. Kejadian atau kemalangan yang bercorak ini tidak mempunyai kemungkinan untuk merebak.

Kejadian Bencana

Rujuk bencana dan Perkara 5, Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

Kesedaran Awam

Pengetahuan umum mengenai bencana dan risiko serta faktor berlakunya bencana dan tindakan yang boleh diambil secara individu atau secara kolektif untuk mengurangkan kejadian dan kesan bencana.

Kesiapsiagaan

Pengetahuan dan keupayaan yang dibangunkan oleh agensi, masyarakat dan individu supaya berkebolehan untuk menjangka, bertindak balas dan pulih daripada kesan-kesan bencana secara efektif.

Penjelasan UNDRR*: Tindakan kesiapsiagaan dilaksanakan dalam konteks DRM dan bertujuan untuk membina keupayaan yang diperlukan untuk menguruskan semua jenis kecemasan dengan cekap dan mencapai peralihan yang teratur daripada tindak balas kepada pemulihan secara berterusan. Kesiapsiagaan adalah berdasarkan analisis yang kukuh tentang risiko bencana dan hubungan yang baik dengan sistem amaran awal serta merangkumi aktiviti seperti perancangan luar jangka, pengumpulan peralatan dan bekalan, pembangunan pelan untuk koordinasi, pemindahan dan maklumat awam, serta latih amal dan lapangan yang berkaitan. Ia perlu disokong oleh keupayaan institusi formal, undang-undang dan belanjawan. Istilah "kesiapsiagaan" yang berkaitan menerangkan keupayaan untuk bertindak balas dengan pantas dan sewajarnya apabila diperlukan. Pelan kesiapsiagaan menetapkan pengaturan lebih awal untuk membolehkan tindak balas yang tepat pada masanya, berkesan dan sesuai terhadap potensi kejadian berbahaya yang spesifik atau situasi bencana baru muncul yang mungkin mengancam masyarakat atau alam.

Mitigasi

Usaha yang dijalankan bagi mengurangkan impak sesuatu kejadian bencana.

Penjelasan UNDRR*: Kesan buruk bahaya, khususnya bahaya alam, selalunya tidak dapat dicegah sepenuhnya, tetapi skala atau keterukannya boleh dikurangkan dengan ketara melalui pelbagai strategi dan tindakan. Langkah mitigasi termasuk teknik kejuruteraan dan pembinaan tahan bahaya serta penambahbaikan dasar alam sekitar dan sosial serta kesedaran awam. Dalam dasar perubahan iklim, "mitigasi" ditakrifkan secara berbeza, dan merupakan istilah yang digunakan untuk pengurangan pelepasan gas rumah hijau yang merupakan penyumbang kepada perubahan iklim.

Pelbagai Bahaya (Multi-Hazard)

Penjelasan UNDRR*: Ia merangkumi beberapa jenis bahaya yang didepani oleh sesebuah negara (atau kawasan pentadbiran) dan juga untuk konteks yang mana kejadian beberapa jenis bahaya, impak dan/atau konteks kejadian yang saling berkaitan dan berpotensi untuk berlaku secara individu, sekaligus, bersiri atau kolektif.

Pembinaan Semula (Reconstruction)

Penjelasan UNDRR*: Pembinaan dan baik pulih secara mampan untuk jangka sederhana dan panjang bagi infrastruktur kritikal, perkhidmatan, perumahan, pepasangan dan keadaan kehidupan yang perlu untuk membolehkan komuniti dan masyarakat yang terjejas oleh bencana untuk kembali berfungsi seperti sedia kala, sejajar dengan prinsip pembangunan mampan dan "build back better", untuk mengurang dan menghindari (avoid) risiko bencana masa depan.

Pemullihan

Proses membaik pulih dan menambah baik yang bersesuaian terhadap kemudahan dan kehidupan masyarakat yang terjejas akibat bencana termasuk langkah mengurangkan faktor risiko bencana.

Penjelasan UNDRR*: Membaik pulih dan menambah baik kehidupan dan kesihatan termasuk ekonomi, fizikal, sosial, budaya dan aset alam sekitar, sistem dan aktiviti bagi suatu komuniti atau masyarakat yang terjejas oleh bencana, sejajar dengan prinsip pembangunan mampan dan "build back better", untuk mengurang dan menghindari (avoid) risiko bencana masa depan.

Pencegahan

Usaha yang dijalankan bagi mengelak sesuatu kejadian bencana daripada berlaku.

Penjelasan UNDRR*: Pencegahan bencana menyatakan konsep dan hasrat untuk mengelakkan sepenuhnya potensi kesan buruk akibat kejadian berbahaya. Walaupun risiko bencana tertentu tidak dapat dihapuskan sama sekali, pencegahan bertujuan untuk mengurangkan kemudahancaman dan keterdedahan dalam konteks yang mana hasilnya, risiko bencana dapat disingkirkan. Contohnya termasuk empangan atau benteng yang mencegah risiko banjir, garis panduan guna tanah yang tidak membenarkan sebarang penempatan di zon berisiko tinggi, reka bentuk kejuruteraan seismik yang memastikan kemandirian dan fungsi bangunan kritikal dalam sebarang kemungkinan gempa bumi serta imunisasi terhadap penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin. Langkah-langkah pencegahan juga boleh diambil semasa atau selepas bencana berbahaya untuk mencegah bahaya sekunder atau kesannya, seperti langkah-langkah untuk mencegah pencemaran air.

Pendekatan Masyarakat Tempatan dan Orang Asal Dalam DRM (Local and Indigenous Peoples' Approach to DRM)

Penjelasan UNDRR*: Pendekatan ini merujuk kepada pengiktirafan dan penggunaan pengetahuan dan amalan tradisi, orang asal dan tempatan bagi sebagai sokongan kepada pengetahuan saintifik dalam penilaian risiko bencana dan untuk perancangan dan pelaksanaan DRM tempatan.

Pengurusan Bencana

Penjelasan UNDRR*: Organisasi, perancangan dan penggunaan langkah-langkah kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan bencana. Pengurusan bencana mungkin tidak dapat mencegah atau menghapuskan ancaman sepenuhnya; ia memberi tumpuan kepada mewujudkan dan melaksanakan pelan kesiapsiagaan dan pelan lain bagi mengurangkan kesan bencana serta membina semula dengan lebih baik. Kegagalan untuk mewujudkan dan melaksanakan pelan boleh menyebabkan kehilangan nyawa, kerosakan aset dan kehilangan pendapatan. Pengurusan kecemasan kadang-kadang digunakan secara saling ganti dalam perihal pengurusan bencana, terutamanya dalam konteks bahaya biologi, teknologi dan kesihatan. Tidak semua "kecemasan" untuk situasi demikian mengakibat "bencana" yang boleh menyebabkan gangguan serius kepada komuniti atau masyarakat.

Rawan Bencana atau Kawasan Rawan Bencana (Hazard–Prone Area)

Penjelasan UNDRR*: Terma ini berkaitan dengan kerentanan (susceptibility) dan keterdedahan (exposure) suatu kawasan, yang mana masyarakat atau aset ketara (tangible) seperti infrastruktur, perumahan dan kawasan pengeluaran produk yang terdedah kepada sesuatu bahaya.

Risiko Baki

Penjelasan UNDRR*: Terma ini merujuk kepada risiko bencana yang masih lagi belum tersingkir sepenuhnya setelah sesuatu tindakan pengurangan risiko bencana diambil. Tindakan bersiap siaga dan disertai oleh dasar sosioekonomi, seperti jaringan keselamatan sosial (social safety nets) dan pemindahan risiko (risk transfer mechanisms) harus menjadi sebahagian daripada pendekatan yang menyeluruh.

Risiko dalam Konteks Bencana

Kemungkinan kehilangan nyawa, kecederaan, kemusnahan atau kerosakan aset atau harta benda, yang boleh mengimpak apa-apa sistem termasuk sistem tadbir urus negara, ekonomi, sosial dan ekologi, yang memberi kesan kepada masyarakat atau komuniti, alam sekitar atau ekosistem pada suatu masa berdasarkan keberangkalian berlakunya bencana disebabkan faktor keterdedahan, kerentanan atau keupayaan.

Penjelasan UNDRR*: Risiko bencana juga merangkumi pelbagai jenis kerugian yang tidak semuanya dapat dikuantifikasi tetapi sekurang-kurangnya dapat dinilai dan dipetakan berdasarkan taksiran kasar populasi dan pembangunan sosioekonomi. Ia penting untuk mengambil kira keadaan sosial dan ekonomi yang mana penerima risiko mungkin terdiri daripada kumpulan yang berbeza mengikut faktor risiko dan daya tahan terhadap bencana.

Sistem Amaran Awal

Sistem untuk menjana dan menyebarkan amaran berkenaan sesuatu kejadian bencana dalam tempoh masa yang bersesuaian bagi membolehkan individu, masyarakat dan organisasi bersiap sedia dan bertindak sewajarnya dalam tempoh masa yang mencukupi untuk mengurangkan kemungkinan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

Penjelasan UNDRR*: Sistem terntegrasi dalam pemantauan, ramalan dan penilaian risiko, komunikasi dan kesiapsiagaan bencana untuk membolehkan individu, komuniti dan kerajaan serta pihak berkepentingan bersiap siaga lebih awal, bertindak balas dan mengurangkan risiko terhadap kejadian bahaya. Sistem amaran awal yang berkesan "end-to-end" dan berasaskan masyarakat "people-centred" seharusnya mempunyai empat (4) unsur utama yang terselaras, iaitu (1) Pengetahuan risiko bencana berasaskan pengumpulan data dan penilaian risiko secara sistematik; (2) Pengesanan, pemantauan, analisis dan ramalan bencana serta impaknya; (3) Hebahan dan komunikasi oleh secara jitu dan tepat pada masa mengenai kemungkinan sesuatu bencana dan impaknya oleh pihak berwajib; dan (4) Kesiapsiagaan di semua peringkat untuk bertindak balas atas amaran yang telah diterima. Sistem amaran awal pelbagai bahaya (multi–hazard early warning systems) pula mengambil kira beberapa jenis bahaya, impak dan/atau konteks kejadian yang saling berkaitan dan berpotensi untuk berlaku secara individu, sekaligus, bersiri atau kolektif. Sistem amaran awal yang berupaya memberi amaran awal melebihi satu jenis bahaya dapat dipertingkatkan keberkesanan dan kemantapannya apabila wujudnya mekanisme dan keupayaan yang terselaras (coordinated) dan serasi (compatible), melibatkan banyak disiplin untuk pengenalpastian dan pemantauan pelbagai bahaya secara jitu dan terkini.

Strategi dan Pelan Tindakan DRR

Penjelasan UNDRR*: Ia berasaskan Prinsip, Teras Strategik, Sasaran Utama dan pelbagai tindakan melalui proses rundingan bersama semua pihak berkepentingan, merentas skala masa yang berbeza dan sasaran yang selaras dengan Kerangka Kerja Sendai untuk DRR 2015–2030 yang menyasarkan pengurangan risiko bencana dan kerugian dalam nyawa, kehidupan, kesihatan, ekonomi, fizikal, sosial, budaya dan aset sama ada milik individu, perniagaan, komuniti dan negara. Untuk konteks Dasar DRR ini, strategi danpelan tindakan DRR bertujuan mencegah penghasilan risiko bencana baharu, mengurangkan risiko sedia ada dan mengukuhkan daya tahan ekonomi, sosial, kesihatan dan alam sekitar.

Tindak Balas

Tindakan penyediaan perkhidmatan kecemasan, operasi mencari dan menyelamat, perkhidmatan perubatan kecemasan, bantuan logistik, bantuan awam, serta lain-lain bantuan ketika sesuatu kejadian bencana dengan tujuan menyelamatkan nyawa, mengurangkan kerosakan harta benda, menjamin keselamatan awam dan membantu dari segi keperluan asas mangsa.

Penjelasan UNDRR*: Tindakan yang diambil secara langsung sebelum, semasa atau sejurus selepas bencana untuk menyelamatkan nyawa, mengurangkan impak kesihatan, memastikan keselamatan awam dan memenuhi keperluan asas sara hidup bagi mereka yang terjejas. Tindak balas bencana kebanyakannya tertumpu kepada keperluan segera dan jangka pendek dan kadangkala disebut bantuan bencana. Tindak balas yang berkesan, cekap dan tepat pada masanya bergantung kepada langkah kesiapsiagaan berdasarkan risiko bencana, termasuk pembangunan keupayaan tindak balas individu, komuniti, organisasi, negara dan komuniti antarabangsa. Elemen tindak balas institusi selalunya termasuk penyediaan perkhidmatan kecemasan dan bantuan awam oleh sektor awam dan swasta dan sektor komuniti, serta penyertaan komuniti dan sukarelawan. Perkhidmatan kecemasan merupakan set kritikal agensi khas yang mempunyai tanggungjawab khusus dalam memberi khidmat dan perlindungan kepada orang awam dan harta benda dalam situasi kecemasan dan bencana. Mereka termasuklah pihak berkuasa untuk keselamatan awam dan perkhidmatan polis serta bomba, dan lain-lain. Pembahagian antara peringkat tindak balas dan peringkat pemulihan selanjutnya biasanya tidak jelas. Beberapa perihal tindak balas seperti penyediaan penempatan sementara dan bekalan air pada peringkat tindak balas berkemungkinan untuk berlanjutan sehingga ke peringkat pemulihan.

Whole-of-Society

Penjelasan UN DESA*: Libat urus dan perkongsian bersama pihak berkepentingan adalah penting memandangkan DRM memerlukan pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang untuk berkongsi maklumat, kepakaran, sumber dan teknologi. Risiko bencana ialah satu tanggungjawab bersama semua orang yang melibatkan masyarakat awam, sektor awam, sektor swasta, GLC, GLIC dan organisasi masyarakat awam (civil society organisations) harus terlibat sama, sebab DRR memerlukan pendekatan berasaskan people-centered approach. Ringkasnya, *Whole-of-Society* ialah pendekatan inklusif yang berasaskan seluruh lapisan masyarakat dalam pengurusan risiko berlandaskan nilai perkongsian tanggungjawab dan libat sama antara sektor awam dengan pihak berkepentingan seperti sektor swasta, GLC, GLIC, badan sukarelawan, badan bukan kerajaan, komuniti dan individu dalam menangani risiko dan impak bencana.

RUJUKAN PENJELASAN

01 UNDRR: *The disaster risk reduction (DRR) glossary* https://www.preventionweb.net/drr-glossary/terminology

02 UNDRR: *Report of the open-ended intergovernmental expert working group on indicators and terminology relating to disaster risk reduction* https://www.preventionweb.net/files/50683_oiewgreportenglish.pdf

03 UN DESA: *Policy Brief No. 139: Strengthening Disaster Risk Reduction and Resilience for Climate Action through Risk-informed Governance* https://www.un.org/development/desa/dpad/wpcontent/uploads/sites/45/publication/PB_139.pdf

SCAN ME

SCAN ME

SCAN ME

PENGHARGAAN

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 digubal oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM) dengan kerjasama Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Proses penggubalan merangkumi tujuh bengkel dengan pihak berkepentingan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta survei awam yang melibatkan hampir 1,000 individu.

NADMA, JPM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada agensi persekutuan, negeri dan tempatan serta pihak berkepentingan lain yang telah memberi sumbangan dalam menjayakan penggubalan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030.

DASAR PENGURANGAN RISIKO BENCANA NEGARA 2030

SILA IMBAS QR CODE YANG TERTERA UNTUK RUJUKAN SECARA PAUTAN BAGI VERSI PDF















DASAR PENGURANGAN RISIKO BENCANA NEGARA 2030













ISBN 978-629-99902-0-8

HAK CIPTA TERPELIHARA 2024